## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI KELANTAN
### BILANGAN 3 TAHUN 2006

### SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP DAN JURUTEKNIK LANDSKAP

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 24 Tahun 2005 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 24 Tahun 2005 untuk makluman dan tindakan.

**(DATO' HAJI AB. RAHIM BIN HAJI HASAN)**
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim
**15503 KOTA BHARU**

Bertarikh : 15 Zulhijjah 1426
15 Januari 2006

[SUK.D.200(01)600/9/Jld. V/(32)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan :
1. Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
2. Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Salinan Pekeliling boleh didapati di laman web http://www.jpa.gov.my

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 24 TAHUN 2005**

---

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP DAN JURUTEKNIK LANDSKAP**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan dua (2) skim perkhidmatan baru iaitu skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 dan skim perkhidmatan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini bidang seni bina taman/ landskap hanya memperuntuk satu skim perkhidmatan sahaja iaitu skim perkhidmatan Arkitek Landskap di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai dalam skim perkhidmatan tersebut bertanggungjawab terhadap pelaksanaan reka bentuk, kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan, pengawasan projek, mereka bentuk pelan pembangunan, taman awam, landskap serta memberi input kepada rancangan pelan pembangunan struktur, kertas-kertas mengenai garis panduan dan perancangan serta projek-projek yang dilaksanakan oleh jabatan.

3. Pewujudan skim-skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap dan Juruteknik Landskap akan memantapkan lagi bidang seni bina taman/ landskap di negara ini.

**SKIM PERKHIDMATAN BARU**

4. Skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan (J) dengan gred gaji J29, J36, J38. Syarat lantikan ke skim perkhidmatan ini ialah diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. Skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 adalah seperti di **Lampiran A**. Contoh iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B** dan penghuraian skop tugas adalah seperti di **Lampiran C**, **C1**, dan **C2**.

5. Skim perkhidmatan Juruteknik Landskap diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan (J) dengan gred gaji J17, J22, J26. Syarat lantikan ke skim perkhidmatan ini ialah Sijil Institut Pertanian (SIP) yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau sijil dalam bidang seni bina, perancang bandar dan wilayah, atau kejuruteraan awam (seni bina) daripada politekik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. Skim perkhidmatan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26 adalah seperti di **Lampiran D**. Contoh iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran E** dan penghuraian skop tugasnya adalah seperti di **Lampiran F**, **F1** dan **F2**.

6. Ketua perkhidmatan bagi skim-skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap dan Juruteknik Landskap di Perkhidmatan Persekutuan adalah Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara (JLN).

7. Berikutan pewujudan kedua-dua skim perkhidmatan ini, skim perkhidmatan Arkitek Landskap dipinda sewajarnya dengan memperuntuk peluang kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) kepada pegawai sedang berkhidmat. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap diberi faedah untuk meningkat secara KPSL ke

jawatan Arkitek Landskap Gred J41 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Skim perkhidmatan Arkitek Landskap yang baru adalah seperti di **Lampiran G**.

**PELAKSANAAN**

8. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, J36, J38 atau Pembantu Teknik Gred J29, J36, J38 yang dilantik secara tetap dan menjalankan tugas-tugas dalam bidang seni bina taman/ landskap sepenuh masa adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 mengikut gred ke gred seperti berikut:

(a) pegawai yang berada di Gred J29 akan ditukar lantik ke Gred J29;
(b) pegawai yang berada di Gred J36 akan ditukar lantik ke Gred J36; dan
(c) pegawai yang berada di Gred J38 akan ditukar lantik ke Gred J38.

9. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17, J22, J26 atau Juruteknik Gred J17, J22, J26 yang dilantik secara tetap dan menjalankan tugas-tugas dalam bidang seni bina taman/ landskap sepenuh masa adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26 mengikut gred ke gred seperti berikut:

(a) pegawai yang berada di Gred J17 akan ditukar lantik ke Gred J17;
(b) pegawai yang berada di Gred J22 akan ditukar lantik ke Gred J22; dan
(c) pegawai yang berada di Gred J26 akan ditukar lantik ke Gred J26.

**PEMBERIAN OPSYEN**

10. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 dan skim perkhidmatan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar

dan Desa Gred J29, J36, J38 atau Pembantu Teknik Gred J29, J36, J38 serta skim perkhidmatan Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17, J22, J26 atau Juruteknik Gred J17, J22, J26 yang menjalankan tugas-tugas dalam bidang landskap sepenuh masa bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 dan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.

11. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan dikekalkan dalam gred dan skim perkhidmatan asal dan akan menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan bagi skim perkhidmatan tersebut.

12. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

13. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

(a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
(b) sedang bercuti;
(c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
(d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
(e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

14. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

15. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan dalam tempoh opsyen asal, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 13, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

16. Bagi maksud pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen ke skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 adalah seperti di **Lampiran H**, **H1 dan H2** manakala ke skim perkhidmatan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26 adalah seperti di **Lampiran I**, **I1 dan I2**.

17. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

18. Kaedah penetapan gaji permulaan pegawai yang terlibat dalam skim-skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa atau Pembantu Teknik serta Juruteknik Perancang Bandar dan Desa atau Juruteknik yang menjalankan tugas-tugas dalam bidang seni bina taman/ landskap sepenuh masa ke skim-skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap dan Juruteknik Landskap adalah seperti berikut:

(a) **Pembantu Teknik Landskap**

i. Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29 atau Pembantu Teknik Gred J29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred J29 yang baru;

ii. Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29 atau Pembantu Teknik Gred J29 yang telah disahkan dalam

perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred J29 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat (P) berikutnya;

iii. Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J36 atau Pembantu Teknik Gred J36 hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred J36 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

iv. Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J38 atau Pembantu Teknik Gred J38 hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred J38 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(b) **Juruteknik Landskap**

i. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 atau Juruteknik Gred J17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah

ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred J17 yang baru;

ii. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 atau Juruteknik Gred J17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred J17 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat (P) berikutnya;

iii. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J22 atau Juruteknik Gred J22 hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred J22 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

iv. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J26 atau Juruteknik Gred J26 hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred J26 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

19. Jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut kaedah di perenggan 18, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 adalah seperti di **Lampiran J**, **J1** dan **J2,** manakala Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26 adalah seperti di **Lampiran J3**, **J4** dan **J5**. Contoh-contoh kaedah pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran K, K1, K2, K3** dan **K4**.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

21. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Julai 2005 atau 1 Oktober 2005 hendaklah diberi di jawatan asal pada 1 Julai 2005 sebelum diselaraskan ke jawatan baru.

**TARIKH PERGERAKAN GAJI**

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pertukaran pelantikan ini. TPG baru ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya.

**KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

23. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

i. menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat hendaklah diberi.

ii. mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan

iii. melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya dikeluarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

i. membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;

ii. melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan

iii. mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

**TARIKH KUAT KUASA**

24. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, J36, J38 dan Juruteknik Landskap Gred J17, J22, J26 ialah mulai **1 Julai 2005**.

**PEMAKAIAN**

25. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**



**( DATO' ISMAIL ADAM )**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

22 September 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JULAI 2005 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | |
|---|---|---|---|---|
| **Gred J29** | : | P1T1 RM1239.52 | - | P1T21 RM2437.42 |
| | | P2T1 RM1296.39 | - | P2T21 RM2593.51 |
| | | P3T1 RM1355.68 | - | P3T21 RM2744.76 |
| **Gred J36** | : | P1T1 RM2186.95 | - | P1T14 RM3589.34 |
| | | P2T1 RM2357.56 | - | P2T14 RM3991.06 |
| **Gred J38** | : | P1T1 RM2465.25 | - | P1T12 RM3759.95 |
| | | P2T1 RM2635.86 | - | P2T12 RM4150.78 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29: P1T2);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Landskap adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pembantu Teknik Landskap yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pembantu Teknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Pembantu Teknik Landskap dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pembantu Teknik Landskap adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Pembantu Teknik Landskap hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J36**

10. Pembantu Teknik Landskap Gred J29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Teknik Landskap Gred J36 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J38**

11. Pembantu Teknik Landskap Gred J36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Teknik Landskap Gred J38 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN ARKITEK LANDSKAP**

12. Pembantu Teknik Landskap yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**LAMPIRAN B**

# IKLAN JAWATAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | (a) | Jawatan | : | Pembantu Teknik Landskap |
| | (b) | Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan | : | |
| | (c) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| | (d) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Perkhidmatan Kejuruteraan |

2. Jadual Gaji

| | | Jadual Gaji Matriks | | |
|---|---|---|---|---|
| Gred J29 | : | P1T1 RM1239.52 | - | P1T21 RM2437.42 |
| | | P2T1 RM1296.39 | - | P2T21 RM2593.51 |
| | | P3T1 RM1355.68 | - | P3T21 RM2744.76 |
| Gred J36 | : | P1T1 RM2186.95 | - | P1T14 RM3589.34 |
| | | P2T1 RM2357.56 | - | P2T14 RM3991.06 |
| Gred J38 | : | P1T1 RM2465.25 | - | P1T12 RM3759.95 |
| | | P2T1 RM2635.86 | - | P2T12 RM4150.78 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29:P1T2);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Landskap adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap.

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).

**LAMPIRAN C**

## PENGHURAIAN SKOP TUGAS
## SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP GRED J29

1. **PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. **SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

2.1 Membantu mengurus dan melaksana kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap;

2.2 Menyelia dan melaksana kerja-kerja penyediaan pelan asas tapak untuk tujuan perancangan dan kerja-kerja reka bentuk pembangunan landskap;

2.3 Membantu menyelia dan melaksana kerja-kerja penyediaan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap;

2.4 Membantu menyelia pelaksanaan pembinaan projek pembangunan landskap;

2.5 Membantu melaksana kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap;

2.6 Membantu menyedia program pembangunan rekreasi di taman-taman awam;

2.7 Membantu menyedia dan melaksanakan program serta aktiviti untuk tujuan penilaian di lapangan serta mendokumenkan semua laporan dan maklum balas;

2.8 Membantu menyedia khidmat teknikal pengurusan dan penyelenggaraan landskap seperti pembangunan inventori landskap, membangunkan spesifikasi kerja pengurusan landskap dan melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pemantauan program hortikultur dan arborikultur untuk landskap;

2.9 Membantu pelaksanaan program promosi landskap termasuk membuat kerja-kerja mengumpul maklumat dan penyediaan lakaran, serta membantu menyiapkan kerja-kerja persembahan;

2.10 Membantu dan membuat kerja-kerja penyeliaan dan pengawasan pelaksanaan program pembangunan industri landskap; dan

2.11 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

## 3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

a. Arkitek Landskap;
b. Pegawai atasan; dan
c. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

3.2 Luaran

a. Pihak Berkuasa Tempatan;
b. Pihak perunding; dan
c. Kontraktor.

## 4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## 5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Pembantu Teknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

## 6. ANCAMAN/ BAHAYA

6.1 terdedah kepada rasuah;

6.2 terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan; dan

6.3 terdedah kepada pencemaran.

**LAMPIRAN C1**

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS**
**SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP GRED J36**

## 1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

## 2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Membantu mengurus kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap;

2.2 Menyelia dan membantu mengurus kerja-kerja penyediaan pelan asas tapak untuk tujuan perancangan dan kerja-kerja reka bentuk pembangunan landskap;

2.3 Membantu menyelia dan melaksana kerja-kerja penyediaan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap;

2.4 Membantu mengurus pelaksanaan pembinaan projek pembangunan landskap;

2.5 Membantu melaksana kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap;

2.6 Membantu mengurus program pembangunan rekreasi di taman-taman awam;

2.7 Menyelia dan melaksanakan program serta aktiviti untuk tujuan penilaian di lapangan serta mendokumenkan semua laporan dan maklum balas;

2.8 Membantu mengurus dan melaksanakan kerja-kerja khidmat teknikal pengurusan dan penyelenggaraan landskap seperti pembangunan inventori landskap, membangunkan spesifikasi kerja pengurusan landskap dan melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pemantauan program hortikultur dan arborikultur untuk landskap;

2.9 Membantu mengurus pelaksanaan program promosi landskap termasuk membuat kerja-kerja mengumpul maklumat serta membantu menyiapkan kerja-kerja persembahan;

2.10 Membantu dan membuat kerja-kerja penyeliaan dan pengawasan pelaksanaan program pembangunan industri landskap; dan

2.11 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

## 3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

a. Arkitek Landskap;
b. Pegawai atasan; dan
c. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

3.2 Luaran

a. Pihak Berkuasa Tempatan;
b. Pihak perunding; dan
c. Kontraktor.

## 4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## 5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Pembantu Teknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

## 6. ANCAMAN/ BAHAYA

6.1 terdedah kepada rasuah;

6.2 terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan; dan

6.3 terdedah kepada pencemaran.

**LAMPIRAN C2**

## PENGHURAIAN SKOP TUGAS
## SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP GRED J38

### 1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

### 2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Membantu merancang dan mengawasi kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap;

2.2 Mengurus dan mengawasi kerja-kerja penyediaan pelan asas tapak untuk tujuan perancangan dan kerja-kerja reka bentuk pembangunan landskap;

2.3 Membantu mengurus kerja-kerja penyediaan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap;

2.4 Membantu mengurus dan mengawasi pelaksanaan pembinaan projek pembangunan landskap;

2.5 Membantu mengurus kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap;

2.6 Membantu merancang dan menyedia program pembangunan rekreasi di taman-taman awam;

2.7 Membantu mengurus pelaksanaan program serta aktiviti untuk tujuan penilaian di lapangan serta mendokumenkan semua laporan dan maklum balas;

2.8 Membantu mengurus khidmat teknikal pengurusan dan penyelenggaraan landskap seperti pembangunan inventori landskap, membangunkan spesifikasi kerja pengurusan landskap dan melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pemantauan program hortikultur dan arborikultur untuk landskap;

2.9 Membantu merancang dan mengurus program promosi landskap termasuk membuat kerja-kerja mengumpul maklumat serta membantu menyiapkan kerja-kerja persembahan;

2.10 Membantu dan membuat kerja-kerja penyeliaan perlaksanaan program pembangunan industri landskap; dan

2.11 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

## 3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

a. Arkitek Landskap;
b. Pegawai atasan; dan
c. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

3.2 Luaran

a. Pihak Berkuasa Tempatan;
b. Pihak perunding; dan
c. Kontraktor.

## 4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## 5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Pembantu Teknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

## 6. ANCAMAN/ BAHAYA

6.1 terdedah kepada rasuah;

6.2 terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan; dan

6.3 terdedah kepada pencemaran.

**LAMPIRAN D**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**JURUTEKNIK LANDSKAP**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN

**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JULAI 2005

| Gred | | Jadual Gaji Matriks | | |
|---|---|---|---|---|
| Gred J17 | : | P1T1 RM674.45 | - | P1T26 RM1860.25 |
| | | P2T1 RM716.80 | - | P2T26 RM1961.89 |
| | | P3T1 RM760.36 | - | P3T26 RM2067.16 |
| Gred J22 | : | P1T1 RM1545.65 | - | P1T12 RM2291.01 |
| | | P2T1 RM1659.39 | - | P2T12 RM2530.59 |
| Gred J26 | : | P1T1 RM1773.13 | - | P1T9 RM2412.01 |
| | | P2T1 RM1943.74 | - | P2T9 RM2640.70 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Institut Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T8); atau

(ii) Sijil dalam bidang seni bina, perancang bandar dan wilayah atau kejuruteraan awam (seni bina) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17: P1T9);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

3. Juruteknik Landskap yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

4. Juruteknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

5. Juruteknik Landskap Gred J17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Juruteknik Landskap yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8. Juruteknik Landskap hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J22**

9. Juruteknik Landskap Gred J17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Landskap Gred J22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J26**

10. Juruteknik Landskap Gred J22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Landskap Gred J26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK LANDSKAP**

11. Juruteknik Landskap yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Landskap Gred J29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**LAMPIRAN E**

# IKLAN JAWATAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | (a) Jawatan | : | Juruteknik Landskap |
| | (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Pihak Kuasa Tempatan | : | |
| | (c) Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| | (d) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Perkhidmatan Kejuruteraan |

2. Jadual Gaji

Jadual Gaji Matriks

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Gred J17 | : | P1T1 RM674.45 | - | P1T26 RM1860.25 |
| | | P2T1 RM716.80 | - | P2T26 RM1961.89 |
| | | P3T1 RM760.36 | - | P3T26 RM2067.16 |
| Gred J22 | : | P1T1 RM1545.65 | - | P1T12 RM2291.01 |
| | | P2T1 RM1659.39 | - | P2T12 RM2530.59 |
| Gred J26 | : | P1T1 RM1773.13 | - | P1T9 RM2412.01 |
| | | P2T1 RM1943.74 | - | P2T9 RM2640.70 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Institut Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T8); atau

(ii) Sijil dalam bidang seni bina, perancang bandar dan wilayah, atau kejuruteraan awam (seni bina) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17: P1T9);

dan

(d) Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

| | | |
|---|---|---|
| 4. Taraf Jawatan | : | Tetap |
| 5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai yang memasuki perkhidmatan Juruteknik Landskap adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 6. Fungsi Bidang Tugas | : | (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat) |

**LAMPIRAN F**

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS**
**SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK LANDSKAP GRED J17**

## 1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

## 2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pengumpulan maklumat tapak projek dan lapangan;

2.2 Menjalankan kerja-kerja surihan untuk penyediaan pelan landskap dan lukisan kerja pembinaan landskap;

2.3 Menjalankan kerja-kerja penyediaan lukisan ilustrasi projek dan cadangan pembangunan landskap;

2.4 Membantu pelaksanaan kerja pemantauan di lapangan bagi pembinaan landskap;

2.5 Membantu menjalankan kerja-kerja pengurusan projek pembangunan landskap;

2.6 Melaksana kerja-kerja lapangan bagi pengurusan dan penyelenggaraan landskap; dan

2.7 Melaksanakan kerja-kerja merekod dan dokumentasi bagi pelaksanaan pembangunan landskap.

## 3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

a. Pembantu Teknik Landskap;

b. Arkitek Landskap;

c. Pegawai atasan; dan

d. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

3.2 Luaran

a. Pihak Berkuasa Tempatan;

b. Pihak perunding; dan

c. Kontraktor.

## 4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## 5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Juruteknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

## 6. ANCAMAN/ BAHAYA

6.1 terdedah kepada rasuah;

6.2 terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan; dan

6.3 terdedah kepada pencemaran.

**LAMPIRAN F1**

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS**
**SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK LANDSKAP GRED J22**

## 1. PERINGKAT ORGANISASI

Peringkat jabatan/ agensi kerajaan.

## 2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Melaksanakan penyeliaan kerja-kerja lapangan untuk pengumpulan maklumat tapak projek dan lapangan;

2.2 Menyelia dan menjalankan kerja-kerja surihan untuk penyediaan pelan landskap dan lukisan kerja pembinaan landskap;

2.3 Menyelia dan menjalankan kerja-kerja penyediaan lukisan ilustrasi projek bagi cadangan pembangunan landskap;

2.4 Melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pemantauan kerja pembinaan landskap di tapak;

2.5 Membantu menjalankan kerja-kerja pengurusan projek pembangunan landskap;

2.6 Melaksana kerja-kerja verifikasi di lapangan dan menyediakan surihan untuk penyediaan pelan seperti seni bina projek pembangunan landskap;

2.7 Menyelia pelaksanaan kerja-kerja lapangan bagi pengurusan dan penyelenggaraan landskap;

2.8 Melaksanakan kerja-kerja lapangan bagi penyelidikan dan pemuliharaan landskap; dan

2.9 Menyelia pelaksanaan kerja-kerja merekod dan dokumentasi bagi pelaksanaan pembangunan landskap.

## 3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

a. Pembantu Teknik Landskap;
b. Arkitek Landskap;
c. Pegawai atasan; dan
d. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

3.2 Luaran

a. Pihak Berkuasa Tempatan;
b. Pihak perunding; dan
c. Kontraktor.

## 4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## 5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Juruteknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

## 6. ANCAMAN/ BAHAYA

6.1 terdedah kepada rasuah;

6.2 terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan; dan

6.3 terdedah kepada pencemaran.

**LAMPIRAN F2**

# PENGHURAIAN SKOP TUGAS
# SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK LANDSKAP GRED J26

## 1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

## 2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Membantu mengurus dan menyelia kerja-kerja lapangan untuk pengumpulan maklumat tapak projek dan lapangan;

2.2 Menjalankan kerja-kerja verifikasi surihan untuk penyediaan pelan landskap dan lukisan kerja pembinaan landskap;

2.3 Membantu mengurus kerja-kerja penyediaan lukisan ilustrasi projek dan cadangan pembangunan landskap;

2.4 Melaksanakan, menyelia dan membuat verifikasi kerja-kerja lapangan pemantauan pembinaan landskap di tapak;

2.5 Membantu menjalankan kerja-kerja pengurusan projek pembangunan landskap;

2.6 Membantu mengurus kerja-kerja verifikasi di lapangan dan menyediakan surihan untuk penyediaan pelan seperti seni bina projek pembangunan landskap;

2.7 Menyelia dan mengawasi kerja-kerja lapangan bagi pengurusan dan penyelenggaraan landskap; dan

2.8 Menyedia dan melaksana kerja-kerja lapangan bagi penyelidikan dan pemuliharaan landskap.

3. **HUBUNGAN KERJA**

3.1 Dalaman

a. Pembantu Teknik Landskap;

b. Arkitek Landskap;

c. Pegawai atasan; dan

d. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

3.2 Luaran

a. Pihak Berkuasa Tempatan;

b. Pihak perunding; dan

c. Kontraktor.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

5. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Juruteknik Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

6. **ANCAMAN/ BAHAYA**

6.1 terdedah kepada rasuah;

6.2 terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan; dan

6.3 terdedah kepada pencemaran.

**LAMPIRAN G**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**ARKITEK LANDSKAP**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JULAI 2005 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred J41** | : | P1T1 | RM1815.87 | - | P1T23 | RM4105.19 |
| | | P2T1 | RM1899.36 | - | P2T23 | RM4361.71 |
| | | P3T1 | RM1986.48 | - | P3T23 | RM4614.60 |
| **Gred J44** | : | P1T1 | RM2631.41 | - | P1T14 | RM4361.71 |
| | | P2T1 | RM2918.18 | - | P2T14 | RM4821.51 |
| **Gred J48** | : | P1T1 | RM3851.09 | - | P1T8 | RM5113.12 |
| | | P2T1 | RM4233.45 | - | P2T8 | RM5597.12 |
| **Gred J52** | : | P1T1 | RM4338.72 | - | P1T8 | RM5600.75 |
| | | P2T1 | RM4750.12 | - | P2T8 | RM6113.79 |
| **Gred J54** | : | P1T1 | RM4569.83 | - | P1T8 | RM5948.02 |
| | | P2T1 | RM4973.97 | - | P2T8 | RM6490.10 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Teknik Landskap adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

